

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**NO. SOALAN : 280**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bilangan Pusat Latihan Kemahiran  
Orang Asli yang ada mengikut negeri dan keberhasilan  
program yang telah dijalankan dalam membina warga Orang  
Asli berkemahiran.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada masa kini hanya mengendalikan sebuah Pusat Latihan Kemahiran iaitu Pusat Latihan Paya Bungor (PLPB) Kuantan, Pahang. Pusat tersebut khusus mengendalikan kursus kemahiran jahitan pakaian wanita di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2 dan ia juga merupakan Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).

PLPB mula menjalankan kursus jahitan dalam tahun 1994 dan sehingga tahun 2015, PLPB telah berjaya melahirkan seramai 645 orang beliawanis Orang Asli dalam bidang jahitan. Dari segi keberhasilan PLPB, bekas lulusan Pusat tersebut ada di antaranya menjadi usahawan jahitan, bekerja di kedai jahit, kerja kerajaan, tenaga pengajar jahitan dan suri rumah yang mengambil upah menjahit.

Pusat tersebut kini dalam proses pembinaan semula kemudahan asrama pelatih, bilik kuliah, dewan makan dan peralatan dan akan beroperasi semula dalam tahun 2018. PLPB boleh menampung seramai 50 orang pelatih dalam sesuatu siri kursus yang dijalankan bagi tempoh tujuh (7) bulan.

Dalam masa yang sama bagi meningkatkan lagi bilangan Orang Asli memiliki sijil kemahiran dan sebagai tenaga kerja berkemahiran, Kementerian melalui Jabatan ini telah mewujudkan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang berkonsepkan pemberian latihan kemahiran dan penempatan kerjaya (*training skill & placement job*) kepada warga Orang Asli khususnya golongan belia dan beliawanis.

Dari tahun 2011 hingga 2016, seramai 4,501 orang pelatih telah mengikuti program ini yang melibatkan sebanyak 179 siri kursus diperingkat Sijil Asas Kemahiran sehingga SKM Tahap 3 (Diploma). Antara kursus kemahiran kerjaya tersebut adalah dalam bidang perhotelan, pelabuhan, minyak dan gas, automotif, mekatronik, elektrik dan bidang kecantikan.